

PROSES PENASALAN DAN ASIMILASI BAHASA MELAYU PERANAKAN FUZHOU, SIBU, SARAWAK

Jong Hui Yingⁱ, Tajul Aripin Kassinⁱⁱ & Wan Azni Wan Mohamadⁱⁱⁱ

ⁱ(*Pengarang Bersama*). Pensyarah, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. jonghuiying@usm.my

ⁱⁱProfesor Madya, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. tajul@usm.my

ⁱⁱⁱGuru Bahasa, Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia. azni@usm.my

Abstrak

Kajian ini tertumpu pada pengaruh proses penasalan dan proses asimilasi dalam ujaran orang Fuzhou, Sibul, Sarawak. Dalam bahasa Melayu peranakan Fuzhou, proses asimilasi berlaku seperti yang berlaku dalam bahasa Melayu standard, iaitu pada bahagian sempadan kata- imbuhan awalan /meŋ/ dengan kata dasar yang bermula dengan fonem /b/, /d/, /g/, /p/, /t/, /k/, /c/, dan /j/. Awalan nasal yang digabungkan dengan kata dasar yang bermula dengan bunyi konsonan tak bersuara, maka bunyi konsonan tersebut akan hilang lalu digantikan dengan bunyi nasal yang sama daerah dengan artikulasinya (hormoganik). Penggunaan data hasil transkripsi rakaman video daripada dua orang remaja. Kajian ini menggunakan teknik persampelan tak rawak berdasarkan persampelan bertujuan. Kajian ini untuk mengenal pasti terdapatnya proses penasalan dan proses asimilasi berlaku dalam bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang Fuzhou dan mengemukakan penjelasan yang teoretis tentang proses penasalan dan proses asimilasi tersebut dengan berlandaskan teori autosegmental.

Kata kunci: Penasalan, asimilasi, peranakan Fuzhou, teori autosegmental

1.0 PENGENALAN

Negara Malaysia terdiri daripada tiga kaum yang utama, iaitu Melayu, Cina dan India, maka pemerolehan bahasa mahupun dialek oleh seseorang adalah luas. Dari aspek pendidikan, walaupun mata pelajaran bahasa Melayu ialah mata pelajaran yang wajib diambil oleh setiap orang pelajar. Namun demikian, bahasa Melayu dalam komunikasi seharian dalam kalangan orang Cina masih dipengaruhi oleh pelat ataupun dialek Cina yang tersendiri. Melalui kajian ini, pengkaji bukan sahaja menunjukkan pengaruh proses penasalan dalam dialek Sibul terhadap bahasa Melayu tetapi juga memperlihatkan proses asimilasi yang berlaku dalam bahasa Melayu dalam ujaran orang Fuzhou Sibul, negeri Sarawak. Proses penasalan dan asimilasi yang berlaku dalam bahasa Melayu peranakan Fuzhou akan dianalisis dengan berlandaskan teori autosegmental iaitu model cadangan Sagey (1986) yang direpresentasi oleh Zaharani dan Teoh (2006). Teoh (1988), sebahagian besar kajian-kajian bidang fonologi yang terbaharu dalam perkembangan teori fonologi telah menumpukan perhatian kepada keadaan bentuk-bentuk fonologi (*phonological representations*). Kajian-kajian ini telah menyuarakan bahawa bentuk-bentuk linear fonologi-generatif standard perlu dikembangkan kepada berbagai-bagai cara bukan linear (*non-linear*) bagi merangkumi organisasi segmen pada pohon-pohon suku kata dan struktur-struktur matrikal dan juga tingkat-tingkat autosegmental (*autosegmental tiers*)(Teoh, 1988).

1.1 OBJEKTIF KAJIAN

- (i) Menenal pasti terdapatnya proses penasalan dan proses asimilasi berlaku dalam bahasa Melayu yang dituturkan oleh orang Fuzhou.
- (ii) Mengemukakan penjelasan yang teoretis tentang proses penasalan dan proses asimilasi tersebut dengan berlandaskan teori autosegmental.

2.0 KAEDAH KAJIAN, RUMUS DAN TEORI

2.1 Kaedah Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif berbentuk kajian kes lapangan dengan mengutip data di lapangan. Kajian lapangan (*field studies*) merupakan strategi penyelidikan yang paling sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan strategi di sini untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebutan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu (Sulaiman Masri, 2005). Tegasnya, kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks dan situasi tertentu. Kajian lapangan didapati kuat daripada sifat semula jadi, namun lemah daripada segi kriteria kawalan dan keumuman. Malah kajian lapangan kerap digunakan bagi penyelidikan untuk meneroka atau memperlihatkan fenomena baharu dengan lebih lengkap (Sulaiman Masri, 2005).

Informan dalam kajian lapangan ini melibatkan dua orang mahasiswi di Universiti Sains Malaysia. Informan telah dimaklumkan tentang prosedur, tujuan dan perjalanan data, kaedah pengumpulan data, dan bentuk penglibatan yang diperlukan dalam proses pengutipan data. Pemilihan informan untuk kajian ini dilakukan dengan berlandaskan teknik persampelan, iaitu teknik persampelan bertujuan. Teknik persampelan tak rawak digunakan dalam kajian ini. Grbich (1999) mengatakan bahawa kajian kualitatif menggunakan teknik persampelan tak rawak dan tidak menunjukkan sampel wakilan. Tujuannya ialah mengumpul data yang kaya. Kenyataan ini telah membuktikan bahawa teknik persampelan tak rawak sering digunakan dalam kajian kualitatif dengan kekuasaan dalam memperoleh data yang kaya di mana pengkaji boleh mempelajari sesuatu dengan mendalami isu utama untuk tujuan kajian tersebut (Patton, 1990; Fraenkel dan Wallen, 2003).

Tempat kajian ini dilakukan di desasiswa informan. Informan kajian dilabelkan dengan nama samaran bagi melindungi identiti sebenarnya (Berg 2004; Liddicoat 2007). Secara semula jadinya, pengkaji secara sistematiknya menukar nama sebenar kepada nama samaran (*pseudonym*) atau nombor kes (*case number*) apabila melaporkan data. Rujuk Jadual 1.

Jadual 1. Pelabelan Informan Kajian (Informan Mahasiswi)

INFORMAN MURID	
INFORMAN	LABEL
INFORMAN 1	T
INFORMAN 2	C

2.2 Teori Autosegmental

Menurut Teoh (1986), beliau mengatakan bahawa perkembangan teori fonologi pada dekad ini telah banyak menumpukan perhatian pada representasi fonologi. Representasi segmental telah diubahsuai bagi mewujudkan satu representasi autosegmental untuk melambangkan struktur fonetik yang lebih sempurna. Namun, kemajuan ke arah representasi fonologi hanya akan bermanfaat sekiranya kesulitan dan ketidaktepatan sistem rumus fonologi secara tidak langsung dipinda kepada sistem representasi (Zaharani dan Teoh Boon Seng, 2006).

Sebagai saran penyelesaian untuk menangani isu proses penasalan dan proses asimilasi dalam bahasa Melayu perananan Fuzhou, maka pengkaji ingin mengutarakan satu analisis alternatif yang menggunakan analisis autosegmental teori fonologi suku kata. Menurut Zaharani dan Teoh (2006), dalam analisis ini, representasi fonologinya terdiri daripada tiga tingkat, iaitu tingkat segmen, tingkat KV dan tingkat suku kata. Suku kata itu mempunyai struktur yang berhierarki yang terbina daripada unsur yang dikenali sebagai onset, nukleus, dan koda. Penggabungan antara nukleus dengan koda membentuk satu unit lagi yang disebut sebagai rima (Zaharani dan Teoh Boon Seng, 2006). *Aspect of Malay Phonology Revisited: A Non-Linear Approach*, Teoh (1988) telah menggunakan analisis non-linear fonologi KV (*CV Phonology*).

Menurut Teoh (1988), beliau yang mengatakan bahawa bahasa Melayu tergolong ke dalam bahasa jenis III, iaitu bahasa yang struktur suku kata dasarnya terdiri daripada KV dan KVK. Rumus ketiga ialah rumus pembinaan koda, iaitu konsonan di sebelah kanan vokal menjadi koda dengan cara menghubungkannya dengan R (rima) suku kata. Dalam bahasa Melayu tidak semua konsonannya boleh menjadi koda. Di samping itu, kebanyakan konsonan hanya boleh menjadi koda di akhir kata, tetapi tidak di posisi tengah kata. Bagi konsonan nasal, kehadirannya di posisi koda di tengah kata hanya dibenarkan jika konsonan obstruen pada onset berikutnya itu berhormogan dengannya.

3.0 ANALISIS DATA

3.1 Proses Nasalisasi

Perkataan Yang Mengalami Proses Nasalisasi	Proses Nasalisasi (Dalam Lingkungan Kata)	Progresif	Regresif	Proses Nasalisasi (Akhiran Kata)	Progresif	Regresif
/dusun/				[dusũŋ]		√
/kan/				[kãŋ]		√
/kalian/				[kaliyãŋ]		√
/beban/				[bebãŋ]		√
/pu <u>na</u> /	[pũŋpã]	√	√			
/macam/	[mãcãŋ]	√		[mãcãŋ]		√
/turun/				[turũŋ]		√
/pun/				[pũŋ]		√
/rambutan/	[rãŋbutãŋ]		√	[rãŋbutãŋ]		√
/simpan/				[simpãŋ]		√
/kunci/	[kũŋci]		√			
/mencantumkan/	[mẽncãŋtõŋkãŋ]	√	√	[mẽncãŋtõŋkãŋ]		√
/dan/				[dãŋ]		√
/kemudian/	[kẽmũdiãŋ]	√		[kẽmũdiãŋ]		√
Total		4	4			14

Jadual 2. Proses Nasalisasi Vokal

Jadual 2 secara jelas memaparkan proses nasalisasi yang berlaku dalam lingkungan kata dan akhiran kata. Selain itu, proses nasalisasi juga dapat dilihat dalam dua keadaan iaitu sama ada secara progresif atau regresif. Nasalisasi vokal dalam bahasa Melayu standard merebak ke kanan, iaitu segmen vokal akan dinasalisasikan sekiranya didahului konsonan nasal. Manakala, kebanyakan perkataan dalam bahasa Melayu yang disebut oleh orang Fuzhou pula memperlihatkan nasalisasi secara regresif, iaitu nasalisasi vokal yang merebak ke kiri.

3.2 Proses Asimilasi

Jadual 3. Proses Asimilasi

Bahasa Melayu Standard	Informan Pertama	Menepati	Tidak Menepati	Informan Kedua	Menepati	Tidak Menepati
[məmpu <u>p</u> ã]	[məmpu <u>p</u> ã]	√		[məmpu <u>p</u> ã]	√	√
[məncantomkan]	[məncantomkãŋ]	√	√	[məncãŋtõŋkãŋ]	√	√
[məmbəbankan]	[məmbəbãŋkãŋ]	√	√	[məmbəbãŋkãŋ]	√	√
[məŋjamũ]	[məŋjamũ]	√		[məŋjamũ]	√	
[məndapat]	[məndapat]	√		[məndapat]	√	
[məmĩkol]	[məmpikol]		√	[məmĩkol]	√	
[məmbaca]	[məmbaca]	√		[məmbaca]	√	
[məŋgali]	[məŋgali]	√		[məŋgali]	√	
[məŋnãŋ]	[məŋnãŋ]	√		[məŋnãŋ]	√	√
[məŋgaru]	[məŋgaru]	√		[məŋãru]		√
[məndalamkan]	[məndalamkãŋ]	√	√	[məŋdalãŋkãŋ]	√	√
[məŋjalankan]	[məŋjalãŋkãŋ]	√	√	[məŋjalãŋkãŋ]	√	√
[məŋjilat]	[məŋjilat]	√		[məŋjilat]	√	
[məmbosankan]	[məmbosãŋkãŋ]	√	√	[məmbosãŋkãŋ]	√	√
[məncari]	[məncari]	√		[məncarik]	√	
Total		14	6		14	8


Dalam proses penggabungan morfem atau pengimbuhan, kewujudan rangkap nasal-obstruen yang terhasil melalui penggabungan tersebut harus menjalani rumus asimilasi nasal untuk menepati kekangan fonotaktik ini. Walaupun rumus asimilasi nasal itu beroperasi secara aktif dalam sistem nahu bahasa Melayu, terdapat bukti kukuh yang menunjukkan bahawa perlaksanaannya terhalang pada lingkungan tertentu. Hal ini akan menimbulkan isu kelegapan (*opacity*) fonologi (Zaharani dan Teoh Boon Seng, 2006). Lihat rumus asimilasi nasal di bawah:

$$[+ \text{nasal}] \rightarrow \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant} \\ \beta \text{ kor} \end{array} \right] / \text{---} \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant} \\ \beta \text{ kor} \end{array} \right]$$

Rajah 1. Rumus asimilasi nasal

Berdasarkan data yang diperlihatkan dalam Jadual 3, penghuraian dan penjelasan yang lebih menyeluruh tentang perilaku proses asimilasi nasal bahasa Melayu standard berbanding dengan proses asimilasi nasal bahasa Melayu peranakan Fuzhou yang dipengaruhi oleh dialek Fuzhou. Daripada data di atas dapat dilihat bahawa kebanyakan perkataan yang disebut atau dieja oleh kedua-dua orang informan telah menepati rumus asimilasi nasal. Daripada 15 perkataan yang diuji, sebanyak 14 perkataan yang disebut oleh kedua-dua orang informan telah mematuhi rumus asimilasi nasal, terutamanya semasa proses penggabungan awalan dengan kata akar. Namun demikian daripada 14 perkataan tersebut, terutamanya perkataan yang bergabung dengan berakhiran -kan telah memperlihatkan menimbulkan isu kelegapan (*opacity*) fonologi, contoh perkataan seperti /mencantumkan/, /membebankan/, mendalamkan/, /menjalankan/, dan /membosankan/.

Daripada 15 perkataan yang diuji, sebanyak 14 perkataan yang disebut oleh kedua-dua orang informan telah mematuhi rumus asimilasi nasal, terutamanya semasa proses penggabungan awalan dengan kata akar. Keadaan ini boleh dijelaskan dengan menggunakan teori autosegmental yang ditunjukkan seperti berikut:



Rajah 2. Proses asimilasi dengan Menggunakan Teori Autosegmental

Proses asimilasi berlaku dalam perkataan bahasa Melayu peranakan Fuzhou, contohnya /məŋ+dapat /, /məŋ+anam/, dan /məŋ+jamu/, /məŋ+baca/, /məŋ+pikul/. Dalam proses asimilasi, suatu segmen menerapkan fitur daripada segmen yang berdekatan supaya lebih menyerupai segmen tersebut, misalnya fitur konsonan yang bersebelahan dapat saling mempengaruhi. Dalam bahasa Melayu, misalnya, terdapat suatu rumus asimilasi nasal hormogan, iaitu fitur nasal menyerapkan fitur artikulasi segmen yang berikutan sehingga nasal itu berhormogan dengan segmen berikutnya (Zaharani dan Teoh Boon Seng, 2006). Rumus asimilasi nasal adalah seperti dalam Rajah 3 di bawah:

$$[+ \text{nasal}] \rightarrow \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant} \\ \beta \text{ kor} \end{array} \right] / \text{---} \left[\begin{array}{c} \alpha \text{ ant} \\ \beta \text{ kor} \end{array} \right]$$

Rajah 3. Rumus asimilasi nasal

4.0 Kesimpulan

Secara kesimpulannya, proses penalisasi vokal dan proses asimilasi sememangnya berlaku dalam bahasa Melayu peranakan Fuzhou. Dalam bahasa Melayu peranakan Fuzhou proses penalisasi vokal boleh berlaku secara progresif dan regresif. Proses penalisasi vokal berlaku adalah disebabkan pengaruh dialek Fuzhou yang digunakan dalam kalangan orang Fuzhou iaitu dialek yang digunakan oleh dua orang informan tersebut. Melalui pendekatan autosegmental, dapat juga diterangkan dalam rangka teori standard, iaitu melalui susunan rumus/. Dengan menggunakan pendekatan autosegmental dalam penganalisisan proses nasalisasi dan proses asimilasi dalam bahasa Melayu peranakan, maka kajian ini akan menjadi lebih deskriptif dan empiris.

RUJUKAN

- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. (2007). *Menguasai penyelidikan dalam pendidikan: Teori, analisis & interpretasi data*. Batu Caves: PTS Professional Publishing.
- Berg, B. L. (2004). *Qualitative Research Methods For The Social Science*. Pearson.
- Fraenkel, J.R. & Wallen, N. E. (1996). *How To Design Evaluate Research In Education*. McGraw-Hill, Inc.
- Grbich, C. (1999). *Qualitative Research In Health: An Introduction*. Thousand Oaks, CA,: Sage Publication Ltd..
- Liddicoat, A. J. (2007). *An Introduction to Conversation Analysis*. Continuum.
- Madzniyah Jaafar, Muhammad Hussun, Choo S. L. , Zubir Embong , Aminuddin Mohd Sani dan Zakiah Idris. (1995). *Modul kajian tindakan*. Kuala Lumpur: Program PIER.
- Nik Safiah Karim (Penyusun). (1988). *Linguistik Transformasi Generatif Satu Penerapan Pada Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: Esei, Proposal, Tesis*. Utusan Publication & Distributors, Kuala Lumpur.
- Syed Arabi Idid. (1992). *Kaedah penyelidikan komunikasi dan sains sosial*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teoh Boon Seong. (1994). *The Sound System of Malay Revisited*. Dewan Bahasa Dan Pustaka. Ministry of Education Malaysia, Kuala Lumpur, 1994.
- Zaharani Ahmad. 1993. *Fonologi Generatif: Teori dan Penerapan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Zaharani Ahmad, Teoh Boon Seong. 2006. *Fonologi Autosegmental Penerapannya Pada Bahasa Melayu*. Dewan Bahasa Dan Pustaka, Kuala Lumpur.

Biodata Ringkas Penulis

Jong Hui Ying merupakan pensyarah di bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah psikolinguistik.

Tajul Aripin Kassin merupakan Profesor Madya di bahagian Linguistik Bahasa Melayu, Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan, Universiti Sains Malaysia. Bidang kepakaran beliau ialah fonetik dan fonologi.

Wan Azni Wan Mohamad merupakan guru bahasa Melayu di Pusat Pengajian Bahasa, Literasi dan Terjemahan, Universiti Sains Malaysia.